



MINISTRY OF
INVESTMENT, TRADE AND INDUSTRY

UCAPAN

**YB SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL AZIZ
MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRII (MITI)**

UNTUK MAJLIS

- 1. PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**
- 2. PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA JPT, JPPKK DAN INDUSTRI:**
 - i. MICRON MEMORY MALAYSIA SDN. BHD**
 - ii. STELLANTIS GURUN (MALAYSIA) SDN.BHD**
 - iii. INARI TECHNOLOGY SDN BHD**
- 3. PELUNCURAN PORTAL ‘HIGHER EDUCATION MINISTRY’S (MOHE) RESEARCH AND INDUSTRY-INFUSED INCUBATOR (MRI3)’**

7 MEI 2024 (SELASA) | 5:00 PM – 6:00 PM

DEWAN PERDANA, TINGKAT 10

MIDA SENTRAL, KUALA LUMPUR

YB Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir

Menteri Pendidikan Tinggi

YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany Bin Megat Ahmad Supian

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT

YBhg. Datuk Bahria Mohd Tamil

Timbalan Ketua Setiausaha (PP), MITI

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob

Pengerusi MIDA

YBrs. Tuan Sikh Shamsul Ibrahim Sikh Abdul Majid

Ketua Pegawai Eksekutif MIDA

YBrs. Prof. Dr. Azlinda Azman

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi

YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari Ismail

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Mr. Ramamoorthy A/L Ganapathy Iyer (Ramy Iyer)

Vice President, Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd.

Mr. Daniel Gonzalez Luque

COO ASEAN, Stellantis Gurun (Malaysia) Sdn. Bhd.

Mr. Noorazidi Bin Che Azib

Deputy Vice President, Inari Technology Sdn. Bhd.

Rakan-rakan media, saudara-saudari yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Malaysia MADANI, dan selamat petang.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini untuk menyaksikan tiga (3) acara penting, iaitu **Pemeteraian dan Pertukaran MoU serta Peluncuran Portal ‘Higher Education Ministry’s (KPT) Research and Industry-Infused Incubator (MRI3)’**.
2. Hari ini kita melakar sejarah: di mana KPT memulakan kerjasama dengan MIDA secara rasmi. Sehubungan itu, sekalung penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan program ini terutama sekali **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)** atas usahasama menyokong pembangunan serta penyaluran bakat dalam industri negara.

PEMBANGUNAN SERTA PEMADANAN TENAGA KERJA TERLATIH KUNCI KEPADA KEJAYAAN DAN DAYA SAING INDUSTRI

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Pembangunan bakat merupakan elemen penting dalam ekosistem pembangunan industri dan kemajuan ekonomi negara. Bagi memenuhi permintaan pesat industri, MOU di antara MIDA dan KPT bertujuan membangunkan modal insan yang bukan sahaja berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal, bahkan mempunyai kemahiran adaptif terhadap perubahan ekonomi global.
4. **Tenaga kerja yang terlatih dan berdaya saing adalah kunci kepada kejayaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), dan kerjasama strategik MIDA-KPT ini merupakan satu pemangkin kepada industri Malaysia yang lebih berdaya tahan terutamanya di peringkat global.**
5. Sehubungan itu, **MITI dan MIDA berperanan penting dalam menyelaras dan memudahcara proses perjalanan pelabur di peringkat persekutuan dan negeri, termasuk dalam penyediaan tenaga mahir.**

6. *The shortage of skilled talent has become a constant issue among our investors, both domestic and foreign. **Without a holistic solution on talent development and supply, Malaysia can never achieve the economic complexity, high-tech industrial ecosystem, net-zero target or the economic security envisaged by the NIMP 2030.***
7. Kita mahu agar Malaysia mampu mencapai sasaran *second economic take-off* – inilah yang bakal meletakkan Malaysia di kalangan 30 ekonomi terbesar dunia dan di kedudukan 12 teratas dalam Indeks Daya Saing Global menjelang 2033, seperti yang digariskan oleh Kerangka Ekonomi MADANI.
8. *How can we get there?* Untuk makluman, **pelaburan di dalam sektor perindustrian adalah salah satu pencipta pekerjaan yang paling stabil untuk sesebuah negara. This is the kind of slow but enduring capital that Malaysia needs.**
9. Contohnya, **bagi tempoh 2021 - 2023, sebanyak 150,000 peluang pekerjaan telah dicipta melalui 2,386 projek pengilangan yang diluluskan**, di mana lebih 81% telahpun dilaksanakan. **Sebahagian besar dari peluang ini adalah untuk bakat mahir yang bergaji tinggi untuk rakyat Malaysia.**

10. Azam MITI dan agensi-agensinya adalah untuk mengekalkan momentum melalui kemasukan lebih banyak pelaburan.

PEMBANGUNAN BAKAT TERLATIH BERFOKUS BAKAL MENGUKUHKAN EKOSISTEM INDUSTRI E&E

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Pada tahun 2023, Malaysia mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi yang telah diluluskan dalam sejarah berjumlah **RM329.5 bilion**, dengan jumlah 5,101 projek pelaburan dan **hampir 130,000 peluang pekerjaan baharu**. Angka RM329.5 bilion ini adalah 23% lebih tinggi berbanding tahun 2022.
12. Pelaburan asing menyumbang 57.2%. Ini juga mencerminkan **satu trend yang sihat** kerana nisbah pelabur tempatan di tahap hampir 43% menunjukkan keyakinan oleh pelabur kita sendiri terhadap dasar Kerajaan.
13. **Suka saya berkongsi bahawa bagi projek perkilangan yang telah diluluskan bagi tempoh 2021 – 2023, setakat ini, sejumlah 3,678 atau lebih 83% (83.2%) telah**

dilaksanakan, manakala 612 projek mewakili hampir 14% (13.8%) adalah di tahap perancangan.

14. Jika kita ambil **tahun 2023 sahaja**, setakat 5 Mei 2024:
 - a. Kadar pelaksanaan projek menunjukkan bahawa **lebih 63% (63.31%) atau 559 projek telah dilaksanakan** – meliputi projek-projek dalam peringkat pengeluaran, pembinaan kilang atau pemasangan mesin/jentera. Lazimnya, setiap projek mengambil 18 – 24 bulan untuk dilaksanakan.
 - b. Seterusnya, **hampir 35% (34.99%) atau 309 projek adalah di peringkat perancangan** merangkumi aktiviti seperti penetapan lokasi serta perbincangan bersama pihak pemaju dan perunding.
 - c. Hanya **1.25% atau 11 projek yang masih belum dilaksanakan** dan
 - d. Hanya **0.45% atau 4 projek tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu**, termasuk perubahan strategi pelabur.

15. Kadar ini amat memberangsangkan, kerana ini bukan seperti pasaran modal di mana dana boleh masuk dengan segera, tetapi boleh juga ditarik keluar dalam beberapa jam sahaja.
16. Bagi sektor perkilangan, untuk tahun 2023, **industri Elektrik dan Elektronik (E&E)** terus menarik pelaburan paling besar, berjumlah RM85.4 bilion atau 56.2% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan (RM152 bilion).
17. Yang lebih penting, **industri E&E** diunjurkan akan menyumbang kepada peluang pekerjaan yang tertinggi bagi jawatan pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS).
18. Oleh itu, bagi memastikan industri ini mampu untuk terus berkembang maju dan berdaya saing, serta **meraih peluang dari keadaan geopolitik dunia**, yang **menyaksikan penyusunan semula rantai bekalan sektor E&E global**, MITI telah menukuhan **National Semiconductor Strategic Task Force (NSSTF)** dengan melibatkan pelbagai pihak, termasuk pemain industri, penggubal dasar seperti KPT, dan ahli akademik bagi memupuk persekitaran pelaburan yang kondusif dan melahirkan lebih banyak jurutera yang berkemahiran tinggi.

19. Sehubungan itu, saya juga mengalu-alukan **peluncuran portal (MOHE) ‘Research and Industry-Infused Incubator’ (MRI3)** hari ini yang menyediakan **platform yang lebih fokus kepada memenuhi keperluan industri E&E secara langsung.**
20. Usaha ini menyokong aspirasi MITI untuk membangunkan bakat ‘industry-ready-talent’ yang menjadikan graduan kita bukan sahaja berkemahiran dan *marketable*, tetapi juga bergaji lebih tinggi.

PENGLIBATAN INDUSTRI PENTING DALAM PEMBANGUNAN BAKAT TERLATIH

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

21. Dalam usaha meningkatkan landskap pelaburan Malaysia, MITI dan MIDA memainkan peranan yang penting dalam memudahcara proses di antara pelabur dan pihak berkuasa di peringkat persekutuan dan negeri, dan membantu pelabur mendapatkan bakat yang terlatih dan secukupnya bagi keperluan masing-masing.
22. **Tiada bakat tersedia bermakna operasi industri akan terbantut, dan eksport juga akan menurun.** Sebab itulah

MITI dan MIDA amat mengambil berat isu ketersediaan saluran bakat bagi industri-industri di negara ini.

23. Sehubungan itu, saya juga amat mengalu-alukan pertukaran MOU dan kolaborasi antara Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) serta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bersama beberapa pemain industri iaitu Micron, Stellantis dan Inari.
24. Usaha ini akan memperkuuhkan lagi kebolehpasaran bakat tersedia melalui penglibatan terus pihak industri dalam program TVET. Kerjasama ini akan menyediakan peluang yang lebih banyak kepada siswa dan graduan untuk mendapat manfaat latihan praktikal dan pekerjaan di syarikat-syarikat berteknologi tinggi.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

25. Pendekatan ‘whole-of-nation’ dalam memupuk ekosistem industri yang berdaya tahan, teguh dan tersedia dengan bakat bertaraf dunia adalah penting bagi pihak Kementerian, Agensi-agensi kerajaan dan juga industri untuk memastikan negara kita terus berdaya saing dan mesra pelabur.

26. ***When we ensure a robust talent pipeline, we will strengthen Malaysia's industrial capacity, and this is where we can really push our value proposition that Malaysia is where global starts.***
27. ***This means that Malaysia is where global companies can establish their regional hubs, and where domestic homegrown companies can grow into global champions.***
28. ***In fact, MITI and its relevant agencies like MIDA and MATRADE have diligently pulled out all stops in the past one and a half years to implement committed investments and exports quickly. As a result, we are seeing more and more companies wanting to make Malaysia their regional manufacturing or services hub.***
29. InsyaAllah, jika kita terus berganding bahu dalam usaha memperkasakan bakat yang kita ada, kita bakal meningkatkan sosio-ekonomi Malaysia bagi menjadikan kita antara ekonomi yang paling maju dan dihormati di persada dunia.
30. Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.